

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

1. Pelaburan.

- (a) Nyatakan bilangan pelabur dan jumlah pelaburan asing yang telah dibawa masuk ke negeri dari tahun 2008 sehingga kini.
- (b) Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menambah pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Jumlah nilai pelaburan asing ke Pulau Pinang sejak lima (5) tahun ke belakang iaitu dari tahun 2015 sehingga bulan Jun tahun 2019 adalah seperti berikut :-

TAHUN	NILAI PELABURAN (RM juta)
2015	4,431.5
2016	2,969.1
2017	8,383.0
2018	3,367.5
2019 (Januari-Jun)	8,643.6

Perincian mengikut sektor utama adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membawa masuk pelabur antarabangsa ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i) Menumpukan lebih perhatian untuk menarik pelabur baharu dan pada masa yang sama mengekalkan pelabur yang sedia ada. Ini difokuskan dalam industri galakan dan memberi tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang elektronik dan elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan alat perubatan (*medical devices*), sains kesihatan, aeroangkasa & avionik dan teknologi *light emitting diode (LED)*. Selain itu, tumpuan juga dipelbagaikan kepada sektor perkhidmatan seperti *Global Business Services, Research & Development, Design Development dan Software Development*. Aktiviti-aktiviti ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi. Sektor lain termasuk *creative technology content dan apps/ games*;
 - (ii) Memperkuuhkan kerjasama dan sinergi dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA/MITI bagi meningkatkan pelaburan ke Pulau Pinang dan terus mempromosikan Pulau Pinang sebagai Silicon Valley of the East. Ini termasuk perkongsian sumber-sumber dan mengelakkan redundancy dan pembaziran dari segi kos, masa dan tenaga kerja. Contohnya, misi promosi pelaburan yang diselaraskan, perkongsian perisikan pasaran, fasilitasi pelaburan dan sebagainya;
 - (iii) Menubuhkan *Business & Industrial Parks Enhancement Council (BIPEC)* untuk mengenal pasti dan meluluskan cadangan penambahbaikan operasi penyelenggaraan dan pengurusan infrastruktur bagi kawasan perniagaan dan perindustrian di Pulau Pinang yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dan PDC. Kerajaan Negeri akan menaik taraf taman perindustrian dan kawasan perniagaan utama dan

memastikan infrastruktur memenuhi taraf antarabangsa. Ini adalah penting dalam memastikan segala infrastruktur dan kemudahan yang disediakan di kawasan-kawasan perindustrian utama di Negeri Pulau Pinang berkualiti tinggi dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa; dan

- (iv) Penubuhan Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang (Penang Strategic Investment Advisory Council) yang merupakan usaha bersama antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta. Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang akan memainkan peranan sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah untuk membangun dan meningkatkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan strategik. Ahli Majlis Penasihat terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman luas dan pemimpin yang dihormati dari pelbagai industri. Anggota majlis boleh memberi input yang bermanfaat kepada kerajaan mengenai cabaran dan peluang pelaburan yang berpotensi. Ini akan membolehkan kerajaan membentuk dasar yang mampan dan membina.

Di samping itu, usaha untuk menarik dan mengekalkan bakat dan kemahiran di Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat-syarikat multinasional juga dilaksanakan. Usaha berterusan memupuk bakat baharu tenaga kerja berkemahiran juga sedang giat dijalankan oleh Pusat Career Assistance and Talent (CAT) Centre seperti berikut:

- (i) Menawarkan pelbagai perkhidmatan percuma kepada majikan dalam kegiatan pengambilan pekerja seperti menyediakan ruang iklan pekerjaan dan *job matching* berdasarkan permintaan oleh syarikat yang memerlukan tenaga kerja. Sehingga bulan September 2019, sebanyak 296 buah syarikat telah meminta perkhidmatan *job matching* dari Pusat CAT untuk 6,513 kekosongan;

- (ii) Menganjurkan sesi dialog di antara institut pengajian tinggi tempatan dan pelabur-pelabur untuk menyelaraskan pengeluaran dan permintaan (*demand and supply*) bakat-bakat yang diperlukan;
- (iii) Program-program yang boleh menarik, melatih serta mengekalkan bakat di Pulau Pinang seperti pemberian biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF);
- (iv) Menyertai program-program yang dijalankan di institusi pengajian tinggi seperti mengambil bahagian di dalam pameran kerjaya, memberi ceramah kerjaya kepada pelajar-pelajar bagi berkongsi trend dan peluang pekerjaan yang terdapat di Pulau Pinang serta menyuntik kesedaran mengenai kemahiran-kemahiran kritikal yang diperlukan di dalam industri;
- (v) Program Malaysian Meister Programe (MMP) turut dilaksanakan oleh Penang Skills Development Centre (PSDC) untuk mengasah kemahiran berkaitan automasi, robotik, dan proses pengurusan data berskala besar bagi meningkatkan kecekapan pembuatan, di mana pekerja yang terlibat dalam sektor pembuatan dapat menambah baik kemahiran sedia ada ke dalam bidang kejuruteraan, automasi, robotik dan analisis data berskala besar;
- (vi) Pusat S.M.A.R.T (*SME Market Advisory, Resource & Training*) yang dikelolakan oleh Invest Penang memainkan peranan utama dalam memantapkan ekosistem industri sokongan di Pulau Pinang dengan menyediakan fasilitasi kepada syarikat-syarikat pengilang multinasional yang berniat untuk mencari pembekal tempatan. Ini termasuk menganjurkan sesi pemadanan perniagaan (*business matching events*) di antara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan syarikat-syarikat multinasional dengan tujuan untuk membangunkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan serta meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan;

- (vii) Dana “Penang i4.0 Seed” melalui dana permulaan berjumlah RM4 juta (USD 1 juta) untuk membantu usahawan kecil dan syarikat-syarikat start-up yang terlibat dalam bidang teknologi seperti sektor *Internet of Things* (IoT), *e-commerce* dan bidang berkaitan bagi mempercepatkan dan mengembangkan pembangunan syarikat-syarikat *startup* di Pulau Pinang;
- (viii) Terus memastikan kesenangan menjalankan bisnes (*ease of doing business*) di Pulau Pinang/ Malaysia kekal tinggi terutama jika berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain (*competitors*) seperti Singapura, Vietnam, Thailand dan lain-lain lagi. Matlamat ini dapat dicapai melalui perlaksanaan *hand holding program* oleh Invest Penang di mana para pelabur baru yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberi sepenuh fasilitasi untuk memudahkan mereka menubuhkan perniagaan dan memulakan operasi pengilangan; dan
- (ix) Pulau Pinang sebagai destinasi *work, live and play*. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menaik taraf Pulau Pinang sebagai negeri antarabangsa yang sesuai didiami dan selari dengan konsep *work, live and play*. Ini termasuklah peningkatan kualiti pengangkutan awam - Pelan Induk Pengangkutan Awam (termasuk laluan LRT) untuk meningkatkan kualiti hidup di Pulau Pinang.

Lampiran A

Tahun	Jumlah Pelaburan Asing Mengikut 5 Sektor Utama (RM juta)					Jumlah (RM juta)
2015	Produk Elektronik & Elektrikal	Peralatan Saintifik & Ukuran	Peralatan Pengangkutan	Kimia & Produk Kimia	Permesinan & Peralatan	
	4,032.4	123.1	120.4	101.8	53.8	4,431.5
2016	Produk Elektronik & Elektrikal	Peralatan Saintifik & Ukuran	Peralatan Pengangkutan	Produk Bukan Mineral	Produk Metal Fabrikasi	
	1,643.0	948.1	183.0	100.4	94.6	2,969.1
2017	Produk Elektronik & Elektrikal	Peralatan Saintifik & Ukuran	Kimia & Produk Kimia	Tekstil & Produk Tekstil	Permesinan & Peralatan	
	5,910.0	1,475.4	476.6	316.7	204.3	8,383.0
2018	Produk Elektronik & Elektrikal	Produk Petroleum	Produk Plastik	Perabot & Kelekapan	Peralatan Saintifik & Ukuran	
	1,479.4	1,063.0	373.6	240.0	211.5	3,367.5
Jan-Jun 2019	Produk Elektronik & Elektrikal	Peralatan Saintifik & Ukuran	Produk Plastik	Kimia & Produk Kimia	Produk Petroleum	
	8,499.1	55.2	30.9	30.1	28.3	8,643.6

Sumber : Malaysian Investment Development Authority (MIDA)